

AJARAN JIMAT CERMAT DALAM ISLAM

(I)

Kewajipannya

Dalam risalah yang kedua dahulu berkenaan dengan “kewajipan kita kepada diri sendiri” telah ada disebut sedikit dari hal kewajipan berjimat cermat. Tetapi di situ masalah ini telah disentuh sambil lalu sahaja, tiada diluaskan dengan kadar yang mencukupi. Maka di sini biarlah kita periksa keterangannya dengan lebih luas dan memuaskan lagi.

Oleh Zāba

Firman Tuhan dalam Surah al-Isrā’:

walā tubadhdhir tabdhīrā inna al-mubadhdhirīna kānū ikhwān al-shayāṭīn wa kāna al-shayṭān li rabbihī kafūrā (surah al-Isrā’ ayat 26-27).

Ertinya: Janganlah kamu membuang-buang belanja membazirkan harta benda dengan sia-sia, bahawa orang yang membazir pada belanjanya dan harta bendanya itu ialah adik beradik dengan (geng) syaitan, pada hal adalah syaitan itu tiada mengenang budi kepada Tuhannya.”

Kemudian firmanNya pula dalam surah itu juga:

Walā tafal yadaka maghlūlat ilā ‘unuqika walā tabsuṭhā kul al-baṣṭi fa taqūda malūman maḥsūrā: (surah al-Isrā’ 29).

Ertinya: “dan jangan engkau letakkan tangan engkau ternanti kepada leher engkau-yakni kedekut bakhil tak mahu menghulur beri-memberi-dan jangan pula engkau bukakan tangan engkau itu berlebih-lebihan terbuka dengan sehabis-habisnya. Kerana jika engkau kehabisan harta nescaya engkau terpaksa duduk dikeji orang dan melaung dalam kepaapan.”

Pada lain tempat firmanNya pula:

wa alladhīna idhā anfaqū lam yusrifū wa kāna bayna dhālika qawāma: (surah al-Furqān 69)

Ertinya: “dan (mereka yang dikatakan penyembah Tuhan yang Maha Penyayang itu di antaranya ialah) segala mereka yang apabila mereka membelanjakan wang tidaklah dengan habur dan boros, dan tidak pula dengan kedekut, lokek, terlampau berdikit-dikit hingga tak mencukupi kehendak-kehendak yang mustahak; tetapi adalah mereka mengambil tempat di tengah-tengah dengan sama timbang di antara dua itu.”.....pendeknya ialah mereka yang tahu menimbang belanja atas ukuran yang patut dan sederhana.

Maka dalam ayat yang akhir ini perangai jimat cermat itu Tuhan kiranya sebagai satu daripada sifat-sifat mulia bagi beberapa kumpulan orang baik-baik seperti yang disebutkan satu persatunya dalam ayat 63 hingga 74 surah itu; dan kesudahannya dinyatakan balasannya yang serupa bagi sekiranya mereka itu dalam akhirat, iaitu disebutkan dalam ayat 75 dan 76:

*ulā’ika yujzawna al-ghurfata bimā ṣabarwā wayalqūn fihā taihiyyat wasalāmā * khālidīn fihā ḥasanat mustaqrā wamaqāmā*:

Yakni: “mereka itu sekaliannya akan diberi balasan dengan tempat yang tinggi (dalam syurga) oleh sebab sabar dan cecal hati mereka (menyempurnakan sifat-sifat yang mulia itu): di sana mereka akan disambut dengan ucapan hormat dan selamat, dan akan duduk kekal di dalamnya-sangat indah tempatnya untuk diam tetap dan bersenang-senang.”

Demikian lagi ada firman-Nya yang lain melarang daripada berbuat boros: “Tuhan benarkan kita makan minum dan memakai-makai dengan sederhana dan atas kadar yang patut, tetapi dilarangnya jangan membuang-buang dan habur, atau membuat berlebih-lebihan dengan percuma. Misalnya firman Tuhan:

kulū min thamarihī idhā athmara wa ātū haqqahū yawm haṣādihi walā tasrafū innahu lāyuhhibu al-musrifīn: (surah al-An‘ām 141).

Ertinya:..... “makanlah oleh kamu daripada buah-buah (yang tersebut) itu apabila musim ia berbuah, dan bayarlah hak yang diwajibkan pada hari menuai atau mengumpul buahan kelak; tetapi jangan kamu membuang-buang dengan membuat apa-apa berlebih-lebihan: bahawasanya Tuhan tidak gemar akan orang-orang yang membuang-buang dan berbuat sesuatu lebih daripada patut.” dan firman-Nya lagi:

Yā banī adam khudhū zīnatakum ‘inda kullu masjid wa kulū wāshrabū walā tasrafū innahu lāyuhhibu al-musrifīn: (surah al-‘Arāf 31).

Ertinya: “Hai segala anak cucu keturunan Adam, yakni manusia! Pakailah segala pakaian dan perhiasan kamu yang elok-elok pada segala masa dan tempat sembahyang, dan makan minumlah kamu; tetapi jangan berlebih-lebihan dan membuang-buang; bahawasanya Tuhan tidak suka akan prang yang berlebih-lebihan dan membuang-buang.”

Ada pun hadis-hadis Nabi kita ṣallā Allah ‘alaihi wa sallam yang menyuruh berperangai jimat cermat itu dan memuji akan dia banyak ada; Insha Allah akan disebutkan pada tempatnya yang munasabah kemudian kelak. Demikian pula perkataan sahabat-sahabat Nabi, perkataan ulama dan hukama yang kebilangan pada zaman dahulu, dan lainnya.

Maka yang dikatakan “jimat cermat” itu ada dua macam mankanya dipakai dan difahamkan orang-satu ialah dengan maksud iaitu suatu cawangan ilmu pengajian yang luas lebih biasa disebut di antara orang-orang yang berpelajaran Barat sekrang dengan nama *economics* dan dalam bahasa Arab

“*ilm al-iqtisād*”. Maka iaitu pengajian mentadbirkan harta dan jalan-jalan mendapat kekayaan negeri daripada hasil mahsul dan sebagainya. Dan peri menjalankannya dan cara-cara menggunakannya yang berbagai-bagai supaya ia bertambah banyak dan tumbuh semakin luas bagi faedah negeri dan orang ramai. Maka ialah di antara ilmu-ilmu yang terlebih masyhur dan terbesar sekali minatnya dalam kemajuan dunia zaman ini dan ia juga di antara ilmu-ilmu yang terlebih sekali dipentingkan oleh ahli-ahli penyiasat yang mengkaji keadaan masyarakat dan hal ehwal pergaulan manusia; demikian juga oleh ahli-ahli pemerintah negeri. Pendeknya ialah suatu ilmu yang dikira terlalu penting di antara ilmu-ilmu kemodenan dan kemajuan kaum bangsa zaman sekarang. Dalam agama Islam perkara iktisad atau jimat cermat yang luas demikian ini adalah dikirakan dalam peraturan zakat, iaitu satu daripada rukun Islam yang lima, dan peraturan zakat fitrah; serta diluaskan oleh fuqaha dalam peraturan *jizyah*, *khuruj*, *baitulmal* dan *waqaf*, selain daripada ajaran menggalakkan bersifat dan berkhairat daripada orang kaya-kaya. Maka dengan fahaman ini tidaklah termasuk ia dala maksud kita di sini.

Kedua ialah jimat cermat dengan maknanya suatu daripada sifat kelebihan yang mulia dalam tabiat keperangaian manusia. Maka dengan fahaman ini adalah ertinya iaitu kelakuan beringat mengasingkan sedikit daripada wang dan harta dan menyimpannya bagi digunakan apabila masa sesak dan kesukaran ketika kita berkehendak kepada setelah kehabisan wang yang lain, sama ada habis dengan sebab dibuat belanja atau sebab apa-apa kemalangan seperti rumah terbakar dan sebagainya. Jadi, apabila terbit hal yang semacam itu tidaklah terkejar-kejar minta tolong kepada orang ke sana ke mari, atau tidaklah keputusan langsung. Maka inilah satu daripada perkara-perkara yang dikata oleh bidalan Melayu “menyediakan payung sebelum hujan”; jika tiada hujan tak mengapalah, tetapi payung ada sedia sekiranya turun hujan. Selain daripada itu biasa juga difahamkan perkataan “jimat” itu

sahaja dengan makna jua kepada jika pada harta benda, dijaga dengan cermat tiada diberi rosak atau hilang; dan jika pada berbelanja dijaga dengan cemat tiada mahu membuang-buang. Serta pandai berdikit-dikit supaya jangan kehabisan atau supaya ada yang tersimpan untuk pergunaan yang lebih besar, lebih mustahak atau lebih berfaedah pada masa yang ke hadapan. Maka jimat cermat atau “iktisad” dengan fahaman yang kedua inilah yang kita maksudkan sekarang.

Perkataan “*iqtiṣād*” itu asalnya daripada “*qaṣad*” iaitu satu daripada maknanya yang asli dalam bahasa Arab ialah “mengambil jalan pertengahan pada berbelanja berkira dengan adil dan patut apabila membelanjakan wang, dan menimbang dengan timbangan sederhana di antara dua tapi yang berlebihan” – satu terlampau habur dan boros dan satu pula terlampau lokek dan bersikit sangat. Maka hendaklah dielakkan kedua-dua “tapi yang berlebihan” itu, diambil perdirian di tengah-tengah. Kebetulan pula inilah makna “jimat cermat” yang biasa difahamkan dalam bahasa Melayu.

Bahawa dengan berbuat jimat cermat demikian ini tidaklah seseorang itu mencuba hendak menyaing atau menyemai orang yang terlebih kaya dan terlebih banyak wang daripadanya apabila berbelanja. Jika orang kaya-kaya itu berbelanja besar tidaklah ia meniru hendak berbelanja besar seperti itu pula. Kerana jika diperbuatnya demikian tentulah ia akan terpaksa jatuh ke dalam cengkaman hutang, terpaksa meminjam, berhutang dan bergadai; dan hasilnya apabila tiada upaya memberi hutang itu ia akan menjadi papa dan bankrap, tidak ada mempunyai wang dan harta sendiri; dan tiada pula kemerdekaan diri, kerana orang-orang tempat ia berhutang itu tentulah tiada berhenti menuntut piutang kepadanya, dan ia pun harus sentiasa terpaksa meleraikan diri dan bersembunyi-sembunyi supaya dapat mengelakkan atau melecehkan daripada memberi hutang itu!! Maka pada ketika itu jatuhlah mutunya pada pandangan segala orang yang melihat dia, dan orang-orang yang tahu akan

halnya itu pun tiadalah menyukai dia lagi atau memandang hormat kepadanya seperti dahulu. Pendeknya inilah yang dikata oleh pepatah Melayu: “Gajah berak besar kancil pun nak berak besar, akhirnya kebabangan atau keluar isi perut!”

Demikian lagi dengan jalan berjimat cermat yang patut dan adil seperti itu tidaklah seseorang itu jadi lokek dan kedekut berbelanja pada barang apa perkara yang sebenarnya mustahak bagi dirinya dan anak ahlinya; dan tidak pula tamak dan bakhil daripada bermurah hati menghulurkan pertolongan kepada orang yang kesudahan dan yang sebetulnya berkehendakkan pertolongan. Kerana jika ia lokek tak mahu menolong-nolong. Nescaya dirinya sendiri dan kaum bangsanya akan terdedah kepada bahaya kerosakan dengan sebab rosak pergaulan hidup mereka, dihinggap oleh hal-hal buruk dan kejadian-kejadian jahat yang terbit daripada keadaan bangsat mereka itu. Maka pada ketika itu ia akan berhidup dengan kelakuan tiada kasihan balas, tiada ketenangan dan tiada ketenteraman.

Jadinya, dengan sebab pandai mengira-ngira dan menimbang belanja atas jalan jimat cermat yang demikian, seseorang itu dapat hidup dalam sederhana pada perbelanjaan dan pada segala cara-cara ia menggunakan wang dan hartanya. Ia berjimat dengan seberapa bolehnya yang patut untuk menentang apa-apa jua timpaan sudah yang dibawakan oleh peredaran masa dan apa-apa kemalangan yang terjadi atau yang harus akan terjadi. Oleh itu jika kecil pendapatan kecilah belanja dan kecil pula yang diketepikan untuk disimpan, tetapi tetaplah ada juga disimpan tidak dihabiskan semuanya; jika besar pendapatan besarlah pula simpan itu.

Bahawasanya seseorang itu tidaklah dapat menentukan apakah hal yang akan terjadi pad amasa ke hadapan, apa perkaranya yang masih tersembunyi dalam perut masa; dan tidak pula ia dapat menentukan yang ia tetap sahaja akan

terselamat daripada kejadian-kejadian perubahan hari. Demikian lagi tidaklah boleh tahu adakah kesenangan dan kemewahan yang ada kepadanya sekarang itu akan berkekalan, dan adakah pintu rezekinya akan sentiasa terbuka sahaja, atau ada masanya akan tertutup? Oleh sebab itu sepatutnya, bahkan sewajibnya benarlah ia berikhtiar membuat persediaan bagi kedatangan hari susah itu sebelum sampainya jika ia sampai, dan menyiapkan untuk masa kesempitan itu sebelum dirinya termasuk ke dalamnya jika termasuk. Jalannya bersedia dan membuat kesiapan itu ialah dengan mengumpul dan menyimpan sedikit-dikit wang dan harta pada masa ia dalam kemudahan rezeki, untuk menentang kesempitan itu jika tiba kelak. Maka yang demikian itu hanyalah boleh diperbuat dengan berjimat cermat pada perbelajaan dan pada cara-cara penghidupan seperti yang diajar kepada kita dalam ayat-ayat Quran yang telah disebutkan ini.

Makna dan maksud berjimat cermat seperti yang telah diterangkan ini ada didapati dalam hadis-hadis yang mulia; Satu daripadanya sabda Nabi shallā Allah ‘alaihi wa sallam:

Rahimallāh umarā’ kasab ṭayyibān wa anfaq qaṣḍān wa qadama faḍlan liyawmu faqrāhu wahājatuhu.

Ertinya: “Allāh Ta‘ālā rahmati akan seseorang yang berusaha bagi mendapatkan rezeki yang baik, dan berbelanja dengan sederhana, dan mengasingkan lebih dahulu sedikit bagi disimpan untuk hari kalau tiba sesak sukar dan terpaksa berhajat kepadanya.”

“Berusaha mendapatkan rezeki yang baik” (*kasab ṭayyiba*) yakni rezeki yang halal dan bersih; “berbelanja dengan sederhana” (*wa infaq qaṣḍā*) yakni atas ukuran yang patut dan pertengahan, tidak terlampau diceking dan tidak pula habur dan boros; “mengasingkan lebih dahulu sedikit baki” (*waqdim faḍallā*) yakni “baki” atau bahagian yang tertinggal lebih-lebih daripada wang belanja-atau sebahagian kecil yang sengahaja diketepikan siang-siang sebelu berbelanja itu-diasingkan dan disimpan untuk bekal masa

kedatangan sempit dan sesak sukar jika terjadi demikian itu; atau untuk bekal masa telah tua dan lama kelak, kerana masa tua itu biasanya disertai oleh keadaan fakir, lemah, uzur, tiada juga berdaya, dan tiada berduit. Kata ‘Arif “kalau tua eloklah ada duit” yakni jika tua tiada mempunyai wang atau harta nescaya tiadalah siapa yang akan mengambil tahu atau mengambil berat pun akan susah payah dan sakit pening kita, kerana tiada apa yang diharapkan akan dapat.

Maka alangkah eloknya pengajaran jimat cermat yang disyarakkan dalam agama Islam ini? Orang-orang yang tiada tahu berjimat cermat tentu sentiasa berhajat kepada pengajaran ini dan mesti mengikut dan memakainya walau apa pun agama mereka, dan apa pun tingkat lapisan hidup mereka, bahkan walau apa pun peredaran hal ehwal mereka dan darjat kemajuan mereka.

Jimat cermat rupa yang ditunjukkan ini, yang telah dibawakan ajarannya kepada kita oleh pembawa syariat Islam iaitu junjungan kita Nabi Muhammad shallā Allah ‘alaihi wa sallam yang bijaksana itu, ialah satu daripada kewajipan kita kepada diri sendiri masing-masing. Maka sayogialah diraikan ajaran ini oleh tiap-tiap orang apabila menjalankan kewajipan mencari kehidupan, berusaha, berniaga, bercucuk tanam, bertukang-tukang membuat barang-barang, makan gaji, dan sebagainya. Jika diikuti pedoman ini nescaya selamatlah ia apabila mendapat wang dan harta daripada barang apa-apa usahanya itu. Ia tidak akan membinasakan tangannya berbuat di atas wangnya itu mengikut sesuka-suka nafsunya sahaja, hingga wang itu habis menjadi abu dan angin dengan tiada berketahuan, penuh dan binasa kerana menjadi kecenderungan nafsu. Kerana jika diperbuatnya demikian nescaya rugilah ia dan terlucut daripada tangannya perkakas dan peluang yang sepatutnya boleh menyampaikan dia mencapai kebajikan dengan berbuat perbuatan-perbuatan yang mulia, atau boleh menghasilkan dapat sebanyak sedikit akan cita-cita keinginannya yang tinggi-tinggi.

maka apabila telah terjadi demikian itu adalah perolehan yang dapatnya hanya kecewa dan kepapaan jiwa: kata bidal Melayu “ikut hati mati, ikut rasa binasa.”

Hadis yang tersebut tadi itu pada satu pihaknya lagi pula adalah menyuruh kita jangan tamak dan kikir, yakni jangan suka semata-mata mengumpul wang dan kekayaan, dan kemudian menyimpannya seperti berhala tok pekong tiada mahu membelanjakan dan menggunakannya pada perkara yang patut dan kebajikan, hanya sepanjang mas aingin akan kekayaan itu biar bertambah banyak sahaja lagi!! Hadis itu menurut “*wa anfaq qasada*” ertinya: “ia membelanjakan wangnya itu dengan sederhana dalam sempadan yang patut dan adil, bukan kikir dan kedekut, dipuja sahaja seperti berhala, bukan kikir dan kedekut, bukan semata-mata gila hendakkan wang dan harta itu bertambah semakin banyak sahaja, tiada lain lagi kerana jika demikian bukanlah jimat cermat namanya, melainkan ialah kikir, bakhil, lokek dan kedekut. Terkadang orang yang demikian bukan kedekut kepada orang lain dan fakir miskin dan kerja-kerja kebajikan umum sahaja, tetapi kedekut kepada dirinya sendiri juga, kepada anak ahlinya dan orang-orang dalam tanggungannya pun: hingga perkara-perkara yang tak boleh tidak bagi kehidupannya sendiri dan kehidupan anak ahlinya itu pun disekatnya, tiada diberinya! Maka kesukaannya sehari-hari hanyalah mengira dan membaling-baling wangnya dan hartanya itu sahaja, dilihat jangan ada yang hilang atau luak (berkurangan), dan berapa banyak bertambahnya!!

Maka inilah jenis orangnya yang dikondem (*Condemn*) oleh Tuhan dalam ayat: *alladhī jama'a mālān wa'addadah* yaḥsabū an namālahū akhladah* kallā layunbadhanna fī al-ḥuṭamah*: (surah al-Humazah 2-4) ertinya: “orang yang menghimpunkan harta dan membilang-bilangnya* disangkanya kekayaannya itu akan mengekalkan dia hidup selama-lamanya* Tidak! sekali-kali tidak! Ia tentu sekali akan dihumbankan ke dalam api neraka yang memecahbelahkannya.”.....demikian pula inilah juga jenis

orangnya yang ditempelak oleh Tuhan dengan firman-Nya: *alhākumu al-takāthur hattā zurtumu al-maqābir*: (surah al-Takāthur ayat 1) ertinya: “kamu telah dilalaikan oleh perasaan gila hendak menambah-nambah banyakkannya harta sahaja hingga sampai kamu melawat ke tanah perkuburan kelak”!...akhirnya kata Tuhan lagi: *kallā law ta'lamūna 'ilma al-yaqīn* latarawunna al-jaḥīm* thumma latarwunnahā 'aina al-yaqīn*: (surah al-Takāthur 6). ertinya: “Tidak! Tidak! Kalau kiranya kamu tahu dengan pengetahuan yang yakin betul* tentulah kamu akan nampak api neraka jahim* kemudian kamu akan nampak melihatnya dengan pemandangan mata tiada syak sekali-kali.

Dalam kehidupan di dunia ini orang yang mengumpul harta dan kekayaan dengan lokek demikian itu tetaplah akan jadi seolah-olah dirinya itu fakir dan papa kerama pada hakikatnya yang sebenar, walaupun ia kaya dan “*millioner*” pada nama dan pada rupanya. Maka tiadalah kekayaan yang ada kumpul dan disayangnya demikian itu bermakna apa-apa atau memberi faedah apa-apa jua pun, walau kepada dirinya atau kepada orang lain. Pendeknya tiadalah berguna harta itu tinggal di dalam tangannya. Sepatutnya harta yang dimilikinya itu jadi khadam kepadanya; tetapi dengan sebab lokek dan kikirnya seperti yang tersebut itu maka dirinya pula yang menjadi khadam dan hamba kepada hartanya itu, dan harta itu menjadi tuan atau “Tuhan” kepadanya!! Ia takut jadi miskin kalau banyak berbelanja, tetapi kikirnya itu sebenar-benarnya menjadikan dia miskin juga pada hakikatnya. Maka itulah dikata oleh ahli syair:

Waman yanfaq al-sā'āt fī jama' malah

Makhāfat faqar fahuwa dhā ḍanaq al-fuqarā

ertinya: “Barang siapa memakai beberapa banyak masa pada mengumpulkan hartanya sahaja, yakni tidak membelanjakannya* kerana takut akan ditimpa kemiskinan satu hari kelak, maka orang itu ialah memelihara dan menyuburkan kefakiran bagi dirinya jua.”

Ada pun jika ia berkehendak mencapai kebajikan maka

hendaklah ia membelanjakan wang dan harta yang disayanginya itu pada kerja-kerja yang menghasilkan kebajikan, terutama kebajikan umum, bukan bagi kebajikan diri sendiri sahaja.

Firman Tuhan: *lan tanalū al-birr hattā tunfiqū mimma tuhibbūn* (surah Ali 'Imrān 92). Ertinya: "kamu tidak akan dapat mencapai kebajikan sehingga kamu berbelanja (membuat khairat) daripada apa harta yang kamu sayangi." Maka "berbelanja" itu termasuklah di dalam maknanya "berkhairat" dan "bersedekah" juga.

Lain daripada hadis yang telah diberi tadi banyak ada hadis-hadis lagi yang menunjukkan Nabi kita shallā Allah 'alaihi wa sallam sentiasa sangat mementingkan perkara jimat cermat yang patut dan pertengahan ini. Tetapi kita tangguhkan dahulu menyebutkannya kemudian kelak dalam salah satu bahagian Hadis ini yang akan datang. Sementara itu memadailah dikata dahulu di sini bahawa kelakuan jimat cermat seperti yang diajar oleh agama kita ini sangat-sangat fardhu bagi kemajuan dan kejayaan dunia tiap-tiap orang dan tiap-tiap bangsa pun-selain daripada mesti ada pelajaran dan ilmu pengetahuan dan budi perangai yang mulia-baik bangsa Islam atau bangsa yang bukan Islam.

Akan terbit!

Sediki hari lagi!!

Sudut Tawarikh Islam yang Cemerlang
((‘Umar Ibn Al-Khaṭṭāb))

(4 penggal tamat)

Harga Sepenggal \$1.20 pos 10 Sen.

Pesan dari sekarang kepada penerbitannya:

QALAM PRESS LIMITED
356-358, Geylang Road, Singapore 14.

(Sambungan dari muka 13)

Kerana itulah agama itu mesti dipelihara dan disihatkan supaya jangan bercampur bida'ah dan tahyul, sebab amanah ini tak boleh tumbuh kecuali daripada iman yang sihat.

Ada pun sifat yang ketiga ialah sifat benar. Manusia itu mesti bergaul baik dalam perniagaan, pertanian atau pun pelajaran. Dalam semua urusan itu mesti menggunakan lidah. Apabila mata salah lihat, telinga salah dengar, rasa telah salah perasaannya maka yang demikian sudah tentu membawa kesesatan dan kecelakaan, begitu juga kesalahan lidah atau dusta itu selamanya menyesatkan amal usaha manusia; umat atau orang-orang yang terkenal pendusta. Susah akan mendapat kepercayaan, iaitu mencari nama baik sebagai modal yang utama.

Sedangkan benar di dalam perkataan itu, hanya dapat dimiliki oleh orang yang bergama, sebab jika dasarnya bukan iman maka dusta itu tidak dipandang buruk selama ia dapat menguntungkan dirinya. Sekalipun ia merugikan berates-ratus orang lain. Rasulullah bersabda (maksudnya): "jauhilah dusta sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan dan kejahatan itu menyuburkan ke jahanam, dan apabila sentiasa seseorang itu mengutamakan dusta hingga ia dicatit pada sisi Allah sebagai tukang dusta."

Maksudnya kalau sudah biasa dusta sekiranya jadi tukangnyanya dan susah ditinggalkannya sebab sudah berurat berakar dalam jiwanya. Dalam perusahaan atau memelihara benda dan jasa serta dalam semua amal usaha-usaha dalam pergaulan dan muamalah tiga sifat yang tersebut itu wajib ada. Ketiga-tiga sifat iu tidak dapat dimiliki kecuali hanya dengan jalan iman agama, jasa dan benda itu hendaklah diikat dijadikan satu; apabila salah satu daripada terlepas maka rahmat akan terbalik menjadi laknat dan azab. (Dipetik daripada majalah *Aliran Islam*)